

08/10/2001

Pas cuba cipta helah baru nafi negara Islam

PAS, yang mulanya ingin menjerat Umno dengan mencabar supaya mengisytiharkan Malaysia adalah negara Islam, kini terjerat sendiri. Dengan pandangan serong dunia Barat terhadap Islam ekoran serangan 11 September terhadap Amerika Syarikat, parti pembangkang itu berkira Umno mungkin tidak setegas itu membuat pendirian. Bagaimanapun, apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia memang sebuah negara Islam dan mendapat pengesahan Dewan Tertinggi Barisan Nasional Jumaat lalu, Pas berbalik kepada taktik lamanya.

Desakan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor semalam supaya Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi membolehkan Malaysia menjadi negara Islam hanyalah helah parti itu untuk mengelak daripada menjelaskan bentuk negara Islam yang mereka perjuangkan. Perbezaan pentadbiran kerajaan Pas di Kelantan dan Terengganu menunjukkan parti itu hanya menjadikan isu berkenaan sebagai modal politik semata-mata sedangkan mereka sendiri keliru negara Islam mana yang harus dijadikan model. Apakah dari kaca mata mereka, Afghanistan di bawah kuasa Taliban yang menyekat wanita daripada bersekolah dan bekerja dan melarang saluran media seperti televisyen sebagai negara Islam? Dan apakah negara-negara Arab, yang memang yang diiktiraf sebagai negara Islam tidak direstu Pas?

(END)